

TEKS UCAPAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SAYA MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT DI ATAS IZIN DAN LIMPAN KURNIA-NYA DAPAT KITA BERKUMPUL PAGI INI DI DALAM MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PROGRAM 'CERIA KE SEKOLAH 2019' ANJURAN YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA DENGAN KERJASAMA 'THE MAGICIAN BROTHERS SDN BHD' SERTA PENGLIBATAN 12 NGO KEBAJIKAN.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN TETAMU KEHORMAT Y.BHG DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA SELAKU SETIAUSAHA POLITIK KEPADA YAB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT MERANGKAP AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YKN, TN HJ ZAHIR HASAN, AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YKN, DR WAITTCHALA (TKSU OPERASI, KPWKM), EN SHAHEIZY SAM BIN ABD SAMAD, WAKIL SYARIKAT TMB, WAKIL-WAKIL NGOS, TUAN-PUAN HADIRIN HADIRAT SEKALIAN. PENYAMPAIAN BANTUAN 'CERIA KE SEKOLAH 2019' PAGI INI ADALAH BERTUJUAN MEMBANTU MERINGANKAN BEBAN KELUARGA YANG KURANG BERKEMAMPUAN DALAM MENGURUSKAN PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK PADA TAHUN 2019.

SEJUMLAH RM200,000.00 TELAH DIUSAHAKAN MELALUI TAJAAN SYARIKAT KORPORAT BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM 'CERIA KE SEKOLAH 2019' KALI INI. SUMBANGAN INI AKAN DIAGIHKAN KEPADA 12 BUAH BADAN SUKARELA KEBAJIKAN (NGO) DI SELURUH NEGARA TERMASUK DARIPADA SABAH DAN SARAWAK.

SERAMAI 2,000 ORANG PELAJAR MISKIN TELAH DIKENALPASTI SEBAGAI PENERIMA SUMBANGAN YANG BERUPA 2 PASANG BAJU SEKOLAH YANG AKAN DIAGIHKAN MELALUI PERSATUAN KEBAJIKAN MASING-MASING. ADALAH DIHARAPKAN PROGRAM INI DAPAT MEMBANTU KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN MEMBUAT PERSEDIAAN SESSI PERSEKOLAHAN TAHUN 2019.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

SETIAP ANAK PERLU DIBERI PELUANG UTK MENDAPAT PENDIDIKAN SEWAJARNYA TANPA TERKECUALI. KECICIRAN PELAJAR KE SEKOLAH AKIBAT KEMISKINAN PERLULAH DIBENDUNG. INISIATIF INI MERUPAKAN SATU DARI USAHA BAGI MENGGALAKKAN SERTA MEMBERI KEGEMBIRAAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR DARIPADA GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN MEMASUKI ALAM PERSEKOLAHAN BAGI TAHUN 2019. YKN JUGA MENGALU-ALUKAN LEBIH RAMAI SYARIKAT-SYARIKAT KORPORAT TAMPIL MEMBANTU USAHA SEBEGINI SUPAYA LEBIH RAMAI PELAJAR SEKOLAH YANG TERDIRI DARIPADA PELAJAR MISKIN DAPAT DISANTUNI DENGAN PELBAGAI CARA.

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI MERAKAMKAN UCAPAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA KPWKM, WAKIL-WAKIL SYARIKAT, WAKIL-WAKIL NGO DAN SEMUA PIHAK YG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG BAGI MENJAYAKAN PROGRAM PADA PAGI INI.